

21/04/1997

Mahathir dijangka umum pengganti MB hari ini

KLANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan pengganti Tan Sri Muhammad Muhd Taib sebagai Menteri Besar Selangor, esok.

Perdana Menteri dijangka membuat pengumuman itu selepas menghadap Sultan Selangor di Istana Selangor, Kuala Lumpur.

Jurucakap istana berkata, Dr Mahathir dijadualkan menghadap Sultan Selangor pada kira-kira jam 3.45 petang esok selepas mengadakan pertemuan dengan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Selangor.

Bagaimanapun, Ahli Dewan Undangan Negeri tidak dijemput menghadiri pertemuan berkenaan yang akan diadakan di Jabatan Perdana Menteri pada 2.30 petang.

Sementara itu, Adun Kelana Jaya, Datuk Mokhtar Ahmad Dahlan, yang diisytiharkan sebagai Menteri Besar Selangor oleh penduduk Puchong, ketika beliau menyerahkan surat tawaran hak milik tanah Kampung Tengah, semalam, berkata beliau tidak berhak menerima pelantikan itu.

"Saya tahu peluang dilantik sebagai Menteri Besar Selangor amat tipis," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengucapkan terima kasih kepada penduduk terbabit kerana kepercayaan mereka terhadap kemampuannya untuk memegang jawatan tertinggi di Selangor.

(END)